

INTERNATIONAL JOURNAL OF
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA
(IJHAM)www.ijham.comUSAHA ISLAH DAN TAJDID SYED SYEIKH AL-HADI
MENERUSI KARYA "HIKAYAT FARIDAH HANUM"*THE MOVEMENT OF REFORM (ISLAH) AND RENEWAL (TAJDID): SYED
SHEIKH AL-HADI IN HIS NOVEL "HIKAYAT FARIDAH HANUM"*Adli Yaacob¹, Mohd. Hafizul Faiz Hashim²¹ Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.Email: adlihy@iium.edu.my² Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Bahasa Arab Dan Sastera), Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa MalaysiaEmail: hafizulfaiz92@gmail.com**Article Info:****Article history:**

Received date: 15.01.2022

Revised date: 20.02.2022

Accepted date: 15.03.2022

Published date: 31.03.2022

To cite this document:

Yaacob, A., & Hashim, M. H. F. (2022). Usaha Islah Dan Tajdid Syed Syeikh Al-Hadi Menerusi Karya "Hikayat Faridah Hanum". *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 5 (16), 76-87.

Abstrak:

Hikayat Faridah Hanum dianggap sebagai novel pertama Melayu yang memperkenalkan genre sastera moden dengan saduran yang teliti oleh Syed Syeikh Al-Hadi. Selain daripada pengkhususan kajian kepada ciri-ciri karya sastera Islami yang ada atau tiada di dalam novel ini, kritikan masyarakat dalam nada yang lebih kontemporari dan serapan dari pemikiran tokoh-tokoh gerakan Islam Timur Tengah, kajian ini juga menjurus kepada usaha islah dan tajdid penulis dengan meneropong jauh kepada nasihat-nasihat halus penulis di sebalik setiap babak dan juga estetika bahasanya malah kesannya yang mendalam terhadap masyarakat Melayu.

Kata Kunci:

Sastera Islami, Islah, Tajdid, Hikayat Faridah Hanum, Syed Syeikh al-Hadi

¹ Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab Dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, adlihy@iium.edu.my

² Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Bahasa Arab Dan Sastera), Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hafizulfaiz92@gmail.com

DOI: 10.35631/IJHAM.516005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

Hikayat Faridah Hanim was regarded as the first Malay novel that introduced modern literature with meticulous writing and adaptation by Syed Syekh al-Hadi. Besides the main topic of this study to discuss the characteristics of Islamic literary works, it also reveals the society's criticism with contemporary tone and their absorption of Muslim Middle Eastern movements. It also discusses further the efforts of the writer in reformation and modernization by pondering his delicate advises in each scene and his aesthetic language which all these affected Malay society.

Keywords:

Islamic Literature, Islah, Tajdid, Hikayat Faridah Hanum, Syed Syekh al-Hadi

Islah dan Tajdid: Beberapa Pendefinsian

John L. Esposito di dalam sebuah jurnal yang telah diterjemahkan oleh Bakri Siregar meletakkan konsep *islah* dan *tajdid* sebagai suatu sikap kritis terhadap modernisasi masyarakat (Esposito, 1987).³ Perkataan *islah* atau *Sālah* yang berulang kali terangkum di dalam al-Quran umumnya tidak subjektif sebaliknya dimaksudkan dengan kebendaan dan sesuatu yang dapat jelas dilihat dengan mata. Pada asalnya ia membawa maksud pendamaian antara dua pihak yang bergaduh (Yasyin, 1997).⁴ Secara linguistik, *Islah* atau *Sālah* adalah kata lawan bagi perkataan *fasād* yang membawa erti kerosakan. Umumnya, *Islah* bererti proses mendamaikan kerana berasal dari cambahan *āslaha* yang bermaksud mendamaikan. Istilah ini juga memerlukan *mafūlun bih* iaitu apa yang dibuat. *Islah* secara konklusif membawa maksud memperelokkan sesuatu yang rosak dan menjadikannya baik dan berfungsi. Maka, sampai kepada pendefinisian ini perkataan *Islah* akan kurang maknanya tanpa jawapan menjadikannya baik seperti apa? dan perkataan *Tajdid* datang sebagai kelengkap makna *Islah* itu sendiri.

Tajdid bererti menjadikan sesuatu yang baru. Secara etimologi bahasa Arab, *Tajdid* adalah cambahan dari perkataan *Jaddada-Yujaddidu-Tajdid* yang tergolong sebagai *masdar* iaitu kata nama (al-Razi, [t.th.](#):1/47). *Jaddada al-Wudhu'* pula bererti memperbaharui wuduk (Ibn Manzur, 1956:3/11). Pengistilahan ini bertitik tolak dari hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Perbaharuilah iman kamu!" Sahabat bertanya, "Bagaimana caranya kami hendak memperbaharui iman kami?" Jawab Rasulullah SAW, "Banyakkan menyebut syahadah (tiada Tuhan selain Allah)."⁵

³ John L. Esposito, *Dinamika Kebangunan Islam Watak, Proses, dan Tantangan*, terj Bakri Siregar, (Jakarta PT:Rajawali, 1987) hlm 22.

⁴ Sulchan Yasyin, *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*, Surabaya: Amanah, 1997

⁵ Hadis riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, al-Hakim mengatakan: Hadis *Shahih* tetapi mereka (al-Bukhari dan Muslim) tidak mengambilnya. (no. 7766). Jil. 18, hlm. 20; dan Ahmad dalam *al-Musnad* (no.8690). Jil. 2, hlm. 359; al-Haythami mengatakan: Sanad Ahmad *Jayyid* (elok) dan di dalamnya terdapat Samir bin Nahar; beliau telah dikategorikan *thiqah* oleh Ibn Hibban. (al-Haythami, *Majma al-Zawaid Wa Manba al-Fawaid*. Jil. 1, hlm. 25.

Melalui hadis ini, *Tajdid* membawa pengertian yang jelas iaitu mengembalikan semula sesuatu kepada bentuk asalnya. Shamsul Haq al-Abadi dalam '*Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*' menjelaskan:

Menghidupkan semula apa yang telah lupus dan hilang daripada amalan yang terdapat dalam al-Kitab (al-Quran) dan as-Sunnah dan juga apa-apa yang berkait dengannya dan mengembalikannya semula.

Busami Muhammad Said menyimpulkan pengertian *Tajdid* seperti yang dikemukakan oleh Sahl al-Sha'luki sebagai mengembalikan ajaran agama sebagaimana keadaannya pada masa salaf pertama manakala Ahmad Ibn Hambal memahami pengertian *Tajdid* sebagai penyebaran ilmu. Maszlee Malik di dalamnya bukunya *Risalah Buat Pemuda Muslim* menyimpulkan penggabungan kedua-dua definisi ini membawa maksud *Tajdid* sebagai usaha menyebarkan dan menghidupkan kembali ajaran agama seperti yang difahami dan diterapkan pada masa *al-salaf al-awwal*.⁶ Al-Qaradhawi mengatakan *Tajdid* sebagai mengembalikan sesuatu kepada bentuk asalnya sehingga menjadi baharu kembali walaupun sesuatu itu telah lama. Pembaharuan berlaku samada dengan menguatkannya kembali ataupun menampung apa yang telah hilang daripadanya sehingga menjadi seperti mana wujud pada asalnya (Al-Qaradhawi, 1987).⁷ Pengertian ini dikukuhkan lagi dengan beberapa sandaran dalam al-Quran seperti yang terdapat di dalam Surah an-Nisa' ayat 146:

"Kecuali orang-orang yang bertaubat dan mengadakan islah (perbaikan) dan berpegang teguh pada agama Allah dan tulus ikhlas..." (4:146)

Tajdid juga dihuraikan melalui istilah *Taghyir* seperti firman Allah SWT:

"Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergirlliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri..." (13:11)

Begitu banyak definisi yang diberikan terhadap perkataan *Islah* dan *Tajdid* setelah Jamaluddin Al-Afghani menggagaskan idea ini seawal abad ke-19, namun seperti yang dibahaskan secara meluas, idea ini menjadi lebih hidup setelah implementasinya dilakukan dengan penuh komited oleh dua tokoh yang hadir sebagai perantai idealisme Al-Afghani iaitu Syekh Muhammad Abduh dan Rashid Ridha. Pendefinisian juga kurang menyerlah dari kalangan masyarakat kerana ketirisan penyampaian maklumat dan beberapa konsep yang diada-adakan bagi mengelirukan umat, hal ini diujah oleh Al-Qaradhawi ketika membandingkan perkataan *Tajdid* dengan perkataan lain yang maksudnya berbeza seperti *Tabdīd*, *Ibtidā'* dan *Tajaddud*:

"Dalam dunia Islam kini, *Tajdid* dan *Mujaddid* sering dikaitkan dengan arus pemikiran yang pelbagai dan juga dakwaan-dakwaan batil yang dicipta oleh golongan sekularis dan juga golongan materialis yang menyeru agar umat Islam meninggalkan syariat Islam atas nama *Tajdid*... mereka ialah *mubaddidūn* dan bukannya *mujaddidūn* kerana tiada

⁶ Maszlee Malik, *Risalah Buat Pemuda Muslim*, Bab 10: *Tajdid* Tanggungjawab Umat Islam, (Telaga Biru Sdn. Bhd., 2014) hlm. 54

⁷ Al-Qaradhawi, 1987, *Tajdid al-Din fi Dhaw' al-Sunnah*, dalam *Majalah Markaz Buhuth al-Sunnah wa al-Sirah*. Bil. 2, hlm. 29. Doha: Universiti Qatar.

kaitan antara mereka dengan *Tajdid*. *Tajdid* membawa maksud mengembalikan sesuatu kepada asalnya, seperti mana kita memperbaiki bangunan yang telah usang agar kembali kepada asalnya tanpa mengubah struktur aslinya dan juga bentuknya yang asal. Akan tetapi, jika dirobohkan bangunan yang usang tersebut dan digantikan pula dengan bangunan lain yang baharu dan langsung tidak menyerupai struktur bangunan tersebut yang asal, maka ini bukanlah *Tajdid*."

Tuntasnya, setiap usaha memperbaiki sesuatu ialah *Islah* dan pengembalian sesuatu kepada asalnya seperti yang telah dibingkaikan di dalam al-Quran dan as-Sunnah dan implementasinya di zaman *al-Salaf al-Awwal* ialah *Tajdid*. Usaha *Islah* dan *Tajdid* merangkumi cakupan yang umum dan *blueprint* ini boleh diaplikasikan di mana-mana tempat dan bila-bila sahaja waktunya selagi masih selari dengan pendefinisian yang telah diberikan.

Biografi Ringkas Pengarang Hikayat Faridah Hanum: Syed Syeikh al-Hadi

Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi dilahirkan pada hari Selasa, 25 Rejab 1281 Hijrah bersamaan dengan tahun 1867 Masihi di Kampung Hulu, Melaka. Tahun-tahun gelora dengan beberapa peristiwa seperti perpindahan pentadbiran pejabat Neger-negeri Selat yang merangkumi Melaka, Pulau Pinang dan Singapura dari Pejabat Tanah Jajahan di London ke Singapura mempengaruhi sejarah Tanah Melayu dan kehidupan Syed Syeikh al-Hadi sebagai pengarang dan reformis Islam kemudiannya. Sejak kecil lagi mendapat pendidikan Melayu dan agama Islam seperti kanak-kanak Melayu yang lain di Sekolah Melayu Settlements, Melaka. Pelajaran Bahasa Arab khususnya untuk membaca dan menulis sedikit sebanyak di peringkat asas diperolehi dari bapanya sendiri Syed Ahmad bin Hassan al-Hadi yang berbangsa Arab dan berketurunan dari Hadramaut.⁸ Hidup sebagai seorang perantau ialah didikan awal kepada Syed Syeikh al-Hadi apabila keluarganya berpindah ke Pulau Penyengat, di waktu itu umur Syed Syeikh al-Hadi ialah tujuh tahun. Raja Hali Ali Kelana ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Yusoff al-Hadi, Yang di-Pertuan Besar Riau-Lingga telah mengambil Syed Syeikh al-Hadi sebagai anak angkat dan telah memberi pendidikan di Sekolah Melayu dan dipelihara dengan penuh kasih sayang oleh Tengku Ali Kelana.⁹

Syed Syeikh al-Hadi kemudiannya dihantar ke sekolah pondok di Terengganu oleh bapa angkatnya untuk mendalami ilmu agama dan bahasa Arab dan menetap di rumah bapa saudaranya Syed Muhammad. Syed Syeikh al-Hadi tidak begitu tertarik dengan sistem pendidikan pondok dan hanya belajar beberapa tahun kemudian pulang ke Pulau Penyengat. Sebagai seorang yang juga tidak dinafikan ilmu pengetahuannya, Tengku Ali Kelana banyak mendedahkan Syed Syeikh al-Hadi mengenai bahasa, kebudayaan dan ilmu agama dan ketika Tengku Ali Kelana berangkat menunaikan haji, beliau membawa bersama Syed Syeikh al-Hadi dan di Tanah Suci kehidupan beragama disedutnya dengan lebih luas dan bererti. Kembali dari Tanah Suci *Makkah al-Mukarramah*, Syed Syeikh al-Hadi mengahwini Syarifah Binti Muhammad al-Hadi, sepupunya sendiri pada tahun 1309 Hijrah dan pada waktu itu beliau berumur 28 tahun. Zaman remaja Syed Syeikh al-Hadi banyak dihabiskan dengan menumpukan kepada berkhidmat dengan bapa angkatnya serta keluarga diraja Riau-Lingga dalam bidang kebudayaan, bahasa, kesusasteraan dan hiburan. Anaknyanya Syed Alwi mengisahkan sifat yang agak ketara kelihatan oleh Syed Syeikh al-Hadi ialah beliau

⁸ Mahayuddin Haji Yahaya, 1984. *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 107

⁹ Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi, *op. cit.*, hlm. 2

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

mendokongi rasionalisme, logik dan sesuatu yang tidak bertentangan dengan akal. Syed Alwi mencatatkan:

"Seorang daripada guru agama di Pulau Penyengat yang dipersetujuinya dan yang daripadanya almarhum itu telah banyak menuntut ialah Almarhum Allamah Al-Ustaz Tuan Haji Hussain ... yang terkenal di Pulau Penyengat dan di dalam Riau-Lingga amnya. Selain daripada menuntut ilmu dengan berguru, almarhum itu lebih gemar meluaskan pengetahuannya dengan banyak membaca kitab-kitab, buku-buku, majalah-majalah dan suratkhbar-suratkhbar Melayu dan Arab, walaupun semasa itu ia belum lagi cukup dalam pengetahuannya dalam bahasa Arab."

Disamping menuntut ilmu, tugas yang dikendong di bahu Syed Syeikh al-Hadi ialah menguruskan anak-anak raja Riau-Lingga yang melanjutkan pelajaran dalam bahasa Arab dan agama Islam ke negeri-negeri Timur Tengah seperti Mesir dan Arab Saudi. Di waktu inilah Syed Syeikh al-Hadi berulang kali ulang-alik ke Mesir atau Mekah atau Madinah maka sudah lekat di kepalanya hal keadaan di tempat tersebut.¹⁰ Karier kreatif dan seni Syed Syeikh al-Hadi bermula dengan mengarah beberapa pementasan oleh anak-anak keluarga diraja Riau-Lingga dan inilah mercup tumbuhnya bakat terpendamnya sehingga diakui oleh ramai orang yang menontot pementasan yang ditulis skripnya dan diarah sendiri olehnya.

Syed Syeikh al-Hadi menyambung pengajiran ke Timur Tengah dan menerima pelajaran khusus daripada Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905) yang berusia 46 tahun ketika menemui Syed Syeikh al-Hadi yang berusia 28 tahun pada waktu itu. Syed Syeikh al-Hadi tidak mendapat pendidikan formal di Mesir tetapi kerajinan menuntut ilmu di madrasah-madrasah dan masjid-masjid adalah faktor kecerdikan fikirannya dan pengaruh daripada gerakan *Islah* dan *Tajdid* yang didokong jelas oleh Syeikh Muhammad Abduh membawa suatu gagasan idea yang baharu untuk dijalankan di Tanah Melayu.¹¹

Bersama rakan-rakan seperjuangannya seperti Syeikh Mohd. tahir Jalaluddin Al-Azhari. Taha, Syed Syeikh Mohamad bin Salim Al-Kalali dan Haji Abbas bin Mohd. Taha, Syed Syeikh al-Hadi berjaya menerbitkan mahalah *Al-Imam* pada tahun 1906 namun penerbitannya terhenti pada tahun 1908 kerana masalah kewangan. Syed Syeikh al-Hadi dilantik sebagai peguam di Mahkamah Syariah Johor Bahru setahun kemudian dan berhenti selepas setahun bertugas kemudian berpindah ke Melaka dan menubuhkan Madrasah Al-Hadi di Bandar Kaba, Melaka. Syed Syeikh al-Hadi berpindah pula ke Pulau Pinang beberapa tahun kemudian dan meneruskan perjuangan *Islah* dan *Tajdid* dengan memberi tumpuan kepada sektor pendidikan apabila tertubuhnya Madrasah Al-Masyhur pada tahun 1919 dan bermula juga penerbitan majalah baru bernama *Al-Ikhwān*.¹²

Pulau Pinang menjadi tempat yang paling gemilang apabila banyak usaha-usaha *Islah* dan *Tajdid* menemui kejayaan seperti pembasmian Tarekat Naqsyabandi, penghapusan ajaran Matahari, penerbitan novel-novel yang hebat seperti *Hikayat Setia Asyik Kepada Maksyuknya* atau *Hikayat Faridah Hanom* (1925-1926), *Hikayat Taman Cinta Berahi* (1928), *Hikayat Anak Dara Ghassan* (1928), *Hikayat Cermin Kehidupan* (1929) dan *Hikayat Puteri Nurul Ain*

¹⁰ Ibid., hlm. 3

¹¹ A. Nasir Haji Mahfudz, "Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif", dlm. *Dian*, Bil. 64, hlm. 78

¹² Drs. A.M. Iskandar, 1980, *Persuratkhabaran Melayu 1816-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 26

(1929). Buku-buku genre agama yang ditulis beliau antaranya ialah *Al-Tarikh Al-Islami* yang tersiar secara bersiri dalam majalah *Al-Ikhwān* dan kitab *Tafsir Juz 'Amma* (1927), *Tafsir Al-Fatihah* (1928), *Alam Perempuan* (1930), *Kitab Agama Islam dan Akal* (1931) dan *Hadiah Kebangsaan* (1933). Tradisi penyiaran cerita mata-mata gelap yang lebih dikenali dengan nama cerita-cerita Rokambul antara siri-sirinya ialah *Cerita Rokambul dalam Jel di Perlis*, *Cerita Rokambul dalam Siberia*, *Cerita Rokambul dengan Puteri Russian yang Asyik*, *Cerita Rokambul dengan Korban Hindi*, *Cerita Rokambul dengan Malium Kaum Nor*, *Cerita Rokambul dengan Taman Penglipurlara* dan *Cerita Rokambul dengan Perbendaharaan Hindi*. Karya yang paling popular dan cukup berjaya malah diulang cetak beberapa kali kerana permintaan masyarakat ialah *Hikayat Faridah Hanum*.¹³

Sinopsis Karya Hikayat Faridah Hanum

Hikayat Faridah Hanum mengisahkan percintaan antara Faridah Hanum dengan pemuda yang bernama Syafik Affandi. Faridah Hanum merupakan anak perempuan seorang saudagar yang kaya dan terpendang dalam masyarakat Mesir. Syafik Affandi pula berkelulusan tinggi dari sebuah sekolah tinggi di Kaherah. Syafik Affandi jatuh cinta pandang pertama kepada Faridah Hanum kerana kecantikan wajah dan ketinggian budi anak gadis tersebut. Cinta pandang pertama yang terjadi antara kedua-dua watak ini mencetuskan pelbagai cabaran, konflik dan pertentangan yang menguji ketulusan cinta masing-masing. Permulaan ujian cinta mereka terlihat apabila Faridah Hanum dipaksa berkahwin dengan sepupunya, Badaruddin Affandi.

Syafik Affandi mula putus asa dan membuat keputusan untuk memasuki perkhidmatan tentera kerana cita-cita Syafik Affandi dan ayahnya sendiri adalah untuk berjuang di medan pertempuran dan pastinya adalah untuk melupakan episod cinta tidak kesampiannya dengan Faridah Hanum. Perkahwinan Faridah Hanum dengan Badaruddin Affandi menemui kegagalan dan dicraikan oleh sepupunya itu dalam keadaan masih dara. Kepintaran Faridah Hanum melakukan pelbagai tipu muslihat ke atas Badaruddin Affandi dan dengan bantuan Syafik Affandi sendiri menyebabkan Faridah Hanum berjaya pulang ke pangkuan kekasihnya Syafik Affandi.

Faridah Hanum sering menguji keimanan kekasihnya, Syafik Affandi dengan pelbagai godaan. Suasana keghairahan ini ibarat sengaja ditimbulkan atas objektif-objektif tertentu pengarang. Hikayat Faridah Hanum mengambil latar luar negeri iaitu Mesir dan para wataknya bukan berbangsa Melayu tetapi orang Mesir yang beragama Islam yang sudah diresapi nilai kemodenan. Watak-watak utama novel Hikayat Faridah Hanum ialah Syafik Affandi, Faridah Hanum Badaruddin Affandi, Kassim Bey, Tal'at Bey dan ramai lagi yang merupakan golongan menengah dan kaum elit yang mempunyai pengaruh yang kuat dan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat Mesir ketika itu.

Saduran Islah dan Tajdid Menerusi Karya Hikayat Faridah Hanum: Beberapa Penelitian

Saduran *Islah* dan *Tajdid* menerusi karya Hikayat Faridah Hanum ini akan menyuluh secara langsung kepada permasalahan masyarakat dan persoalan bagaimana Syed Syeikh al-Hadi menanggapi. Bermula dengan teknik pelukisan watak-watak yang digunakan oleh Syed Syeikh al-Hadi dalam mengarang novel ini sehinggalah beberapa simbolisme dan mesej tersirat yang menjurus kepada usaha pembaikan masyarakat marginal. Saduran yang sesuai bagi

¹³ Talib Samat, 1990, *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 29

menapis karya Hikayat Faridah Hanum dapat dituntaskan melalui majalah *Al-Imam* sebagai bentuk *Tajdid* yang disuarakan oleh Kaum Muda iaitu:

- (a) Menyeru agar orang Melayu bersatu kembali untuk mengatasi segala kemunduran mereka dan penguasaan bangsa asing terhadap diri mereka.
- (b) Menyeru agar orang Melayu menggunakan akal sebaik yang mungkin, dan Islam tidak menentang ilmu pengetahuan sebagaimana yang diperolehi dunia Barat, sebaliknya haruslah tunduk dan patuh dengan undang-undang dan semangat Islam sebagai suatu jalan untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.
- (c) Menyeru agar orang Melayu terutama raja-raja dan pemimpin masyarakat agar menubuhkan persatuan untuk meninggikan taraf ekonomi, pendidikan dan kesedaran diri.
- (d) Menyeru orang Melayu agar menghilangkan adat-adat yang sudah tidak bersesuaian dengan Islam dan keadaan semasa. Seterusnya ulama-ulama yang mengajarkan ajaran yang tidak betul hendaklah disedarkan dan mengetahui akan tanggungjawab mereka.
- (e) Menyeru agar satu pembaharuan pada sistem pendidikan Islam hendaklah diperkenalkan. Sistem pendidikan Islam hendaklah berdasarkan kepada pengajaran rukun dan hukum yang benar. Sistem pendidikan moden hendaklah diajarkan misalnya bahasa Arab dan bahasa Inggeris, dan pelajar-pelajar hendaklah digalakkan agar pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pendidikan.¹⁴

Aspek-aspek *Islah* dan *Tajdid* yang dapat divedok dari Hikayat Faridah Hanum dapatlah dibahagian seperti berikut:

Kejujuran Watak

Syed Syeikh Al-Hadi memaparkan dengan sangat jelas setiap watak-watak dan perwatakan seperti watak utama Syafik Affandi digambarkan sebagai seorang yang terpelajar, kacak, beriman, gagah, setia dan menanggung derita serta sanggup berjuang-juang habis-habisan mendapatkan kekasihnya Faridah Hanum. Watak antagonisnya pula digambarkan melalui Badaruddin Affandi yang kelihatan sebagai seorang lelaki yang pemabuk, boros, gilakan perempuan, tidak pandai melayan isteri, mudah ditipu dan pelbagai sifat negatif yang mencacatkan keperibadiannya. Masyarakat Melayu yang masih awal didedahkan dengan gaya penceritaan baru dan moden serta sering menerima sesuatu secara langsung akan mampu menanggapi teladan melalui pelukisan watak-watak yang jelas ini. Syed Syeikh Al-Hadi mahu memberikan ciri-ciri perwatakan yang baik yang selari pula dengan modernisasi umat dan mudah diikuti. Syafik Affandi digambarkan tidak terlalu sempurna sehingga imannya tidak berkurang walau seinci, namun kejujuran watak dan sesiapa sahaja yang membaca pasti akan merasa realitinya kerana Syafik Affandi adalah orang biasa yang cuba memahami perasaan cintanya kepada Faridah Hanum. Kejujuran watak seorang jejaka yang cuba menjaga imannya meski telah digoda beberapa kali kerana Faridah Hanum sering menduganya jelas pada babak Syafik Affandi yang terkejut apabila masuk ke kamar dan melihat Faridah Hanum seolah-olah tiada seurat benang pun di tubuhnya walhal Faridah Hanum memakai pakaian getah yang menampakkan tubuhnya. Syafik Affandi bersegera keluar dan tercungap keletihan kerana begitu terkejut melihat gerakan Faridah Hanum sedemikian rupa dan Syafik Affandi tidak

¹⁴ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, (terj. Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975, hlm. 72-74

masuk lagi untuk kali kedua. Hal ini dijelaskan oleh pengarangnya melalui dialog Syafik Affandi:

"La haula walaquata illah billahhil ali ul azim." Lalu ianya berpaling semula berjalan keluar bilik terus turun ke bawah naik keretanya pulang ke rumahnya sekali.¹⁵

Hak Pemilikan Jodoh Dalam Kalangan Perempuan Islam

Sudah menjadi sebatian dalam masyarakat Melayu persoalan jodoh menjadi hak orang tua dan di pihak anak gadis hendak menurut dan patuh kepada pilih orang tuanya. Syed Syeikh Al-Hadi cuba menyedarkan kembali masyarakat tentang apakah kerangka asas agama yang seharusnya diikuti dan hak pemilikan jodoh yang seharusnya diberikan kepada wanita Islam. Syed Syeikh Al-Hadi juga menukar konsep "bercinta selepas kahwin" kepada "bercinta dahulu sebelum kahwin" dan tentangan terhadap adat kahwin paksa yang sering dialami oleh anak-anak gadis Melayu. Pengarang memberikan ruang pengenalan dan ruang mencari kecocokan pasangan agar tidak terjadi kahwin paksa yang menghimpun sengsara sepanjang kehidupan seseorang wanita seperti kata pengarang:

Tidaklah begitu ibu. Bukankah beta ini telah dipelihara dan diberi pelajaran agama dan dunia masa ini, maka apakah guna pelajaran yang ada kepada beta ini jika sampai tidak boleh beta memberi fikiran beta di dalam perkara yang semata-mata bergantung bagi kehidupan beta sendiri pada masa akan datang. Bukankah berkahwin ertinya bersyarikat hidup sama yang dikehendaki daripada mula hingga tua atau sampai ke mati. Maka jika syarikat itu tiada bersetuju sama satu tabiat perangai dan peraturan, bagaimanakah boleh hidup kekal syarikat itu dengan sejahteranya. Di sinilah penyakit yang datang ke atas kebanyakan bangsa kita kaum Islam fasal perkara kehidupan laki isteri, sebab kebanyakan bapa-bapa itu menggunakan kekerasannya yang diberi oleh Tuhan kepadanya di atas anak perempuannya yang anak dara itu dengan tidak menilik tabiat perangai anaknya dengan tabiat perangai laki-laki yang disukainya itu, hanyalah yang ditilik oleh mereka itu kesukaan hatinya sendiri sahaja. Apabila suka pada hatinya dihukumkannya di atas anaknya mesti menerima laki-laki itu, sekalipun, sebab konon ianya bapa ada kudrat kuasa memberi kahwin anaknya yang anak dara itu dengan tiada mengambil izinnnya.¹⁶

Ditegaskan lagi menerusi surat pertanyaan Syafik Affandi kepada Mufti Mesir dan surat itu dibalas lalu disiarkan di akhbar *Al-Ahram* yang dibaca oleh Faridah Hanum:

Pertanyaan tuan yang tuan tanya di dalam surat khabar *Al-Ahram* yang cemerlang di dalam perkara seorang bapa menikahkan anak perempuannya yang telah diketahuinya anaknya itu tidak suka, dan tidak reda akan laki-laki itu hingga pertanyaan tuan itu, maka jawabnya; menurut hukum agama Islam yang maha suci, nikah itu tiada sah sekali-kali. Wajiblah di atas hakim memaksa di atas laki-laki itu meninggalkan perempuan yang disangkanya isterinya itu. (Mofti Kerajaan Mesir).¹⁷

¹⁵ Syed Syeikh Al-Hadi, *Faridah Hanum*, terbitan Pustaka Antara. Kuala Lumpur: 1985, hlm. 66

¹⁶ Ibid., hlm. 167

¹⁷ Ibid., hlm. 210

Syed Syeikh Al-Hadi dengan tegas menolak konsep kahwin paksa yang berleluasa dari kalangan masyarakat Melayu dan ini ditegaskan dengan sebuah hadis tentang perempuan muda yang mengadu kepada Nabi Muhammad SAW bahawa ayahnya telah menikahkan dia dengan sepupunya tanpa persetujuannya sendiri. Nabi Muhammad SAW telah memberi kebebasan kepadanya untuk membatalkan perkahwinan tersebut, kemudian perempuan itu menjawab:

Saya menerima apa yang ayah saya putuskan tetapi saya ingin menunjukkan bahawa keputusan (untuk menikah itu) berada di tangan perempuan bukan berada di tangan ayah mereka (Hasan Hathout, 1994:127)¹⁸

Hak Pendidikan Buat Anak-anak Perempuan

Syed Syeikh al-Hadi juga memperjuangkan hak pendidikan terhadap anak perempuan Islam. Anak-anak perempuan Islam tidak hanya disuruh duduk di dapur dan berlawa di dalam rumah dan dinafikan peluang menuntut ilmu sebaliknya ruang mendapatkan pendidikan agama yang sesuai dan sama rata dengan anak-anak lelaki. Hal ini ditimbulkan kerana adat dan budaya masyarakat Melayu yang seakan menafikan hak pendidikan kepada anak-anak perempuan kerana menyangka masa depan anak-anak perempuan yang akhirnya pulang ke rumah dan menguruskan rumahtangga. Perkara ini tergambar menerusi dialog Faridah Hanum di bawah:

Tetapi tidaklah kita sekalian perempuan reda akan hukuman sekalian laki-laki di atas kita sekalian perempuan bahawa kita sekalian ini tidak berguna sama sekali di dalam kehidupan perhimpunan kaum dan bangsa dan watan lain daripada kegunaan kuda tunggang atau tukang masaknyanya dan tukang basuh kain bajunya, kerana kita sekalian perempuan mengetahui yang kita ini manusia, sama juga bagaimana laki-laki dan diberi oleh Tuhan kita akal yang boleh kita mendapat apa-apa pengetahuan yang boleh didapati oleh sekalian laki-laki itu.¹⁹

Faridah Hanum berpendapat umat Islam menjadi mundur disebabkan kurangnya semangat untuk menderma, terutama golongan korporat Islam, untuk membantu saudaranya dalam lapangan agama dan juga bersedia mengorbankan harta bendanya untuk meninggikan martabat wanita Islam.²⁰

Hak Untuk Bergiat Aktif Dalam Bidang Politik

Hikayat Faridah Hanum dengan pelukisan watak yang teliti terhadap sosok perempuan bernama Faridah Hanum tidak lupa menyedari kelompangan emansipasi wanita dalam bidang politik. Hal ini begitu ketara kelihatan apabila Faridah Hanum bersedih dengan apa yang terjadi dalam negaranya disebabkan pemerintah dari kalangan bangsa lain. Masalah yang berlaku bukan semata kerana doktrinisasi penjajah sebaliknya pandangan cetek terhadap ketua kerajaan wanita yang tidak dapat memerintah sendiri. Pemikiran ini dapat dilihat seperti berikut:

¹⁸ Hasan Hathout, *Revolusi Seksual Perempuan: Obstetri dan Ginekologi Tinjauan Islam*, (Bandung:Mizan, 1994), hlm. 27

¹⁹ ¹⁹ Syed Syeikh Al-Hadi, *Faridah Hanum*, terbitan Pustaka Antara. Kuala Lumpur: 1985, hlm. 115

²⁰ Sarji Kasim, *Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanom: Penilaian Semula*, kompilasi artikel dalam Syed Syeikh al-Hadi: *Cendekiawa dan Sasterawan Ulung*, (Penerbit Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang: 2003), hlm. 111

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Faridah Hanom berkata-kata itu seumpama air yang deras tidak tertahan sedikit jua pun dengan merah padam warna mukanya serta berlinang-linang air matanya oleh teringatkan kaum dan bangsa dan tanah airnya di dalam pemerintahan bangsa yang lain kerana kebodohan orang besar-besar dan ketua-ketua agamanya yang telah meninggalkan perkataan Allah dan RasulNya berpegang kepada segala perkataan orang yang tidak diturunkan oleh Tuhan wahyu wajib ianya yang telah membawa pecah belah kaum Islam ini di dalam perkara agama dan perkara dunianya.²¹

Hak Berpakaian

Gambaran watak Faridah Hanum yang moden dengan cara berpakaian yang ala kebaratan dan mengikut arus kemodenan adalah simbol kepada gesaan berpakaian dengan gaya yang baru, moden dan tidak terikat kepada budaya usang semata-mata. Faridah Hanum digambarkan juga mampu menjaga kesuciannya sebagai seorang wanita Muslim. Syed Syeikh al-Hadi mengidentifikasikan dengan penuh kesempurnaan sebagai wanita moden iaitu pandai berhujah, berfikir, bercita-cita tinggi, berani menegakkan keberanian, mendapat pendidikan Perancis, cantik dan bersopan kepada kedua-dua orang tuanya, pengasuhnya dan kawan-kawannya yang lain.²²

Kebebasan Pergaulan

Kebebasan bergaul antara lelaki dan perempuan digagaskan oleh Syed Syeikh al-Hadi perlu dikuak ruangnya selagi tidak melanggar batas-batas keagamaan yang telah ditetapkan. Wanita berhak bergaul dengan lelaki bagi membincangkan hal-hal yang serius misalnya sosial, politik, ekonomi dan perundangan. Hal ini dapat dibuktikan dengan beberapa babak Faridah Hanum membincangkan masalah umat Islam dengan kekasihnya Syafik Affandi. Aspek tatacara Islam dalam pergaulan yang digambarkan oleh Syed Syeikh al-Hadi kelihatan agak kurang bertepatan dengan tatacara syariat Islam yang sebenarnya kerana Faridah Hanum digambarkan sanggup berpakaian ketat-ketat untuk menduga iman Syafik Affandi.²³

Hikayat Faridah Hanum Sebagai Karya Sastera Islami: Suatu Penilaian

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, sastera ialah ilmu yang menuju kepada pembentukan akhlak dan nilai-nilai kesusasteraan sebagai bahagian yang sangat penting untuk dikuasai oleh sesuatu bangsa.²⁴ Beliau menggagaskan akal dan petunjuk *ilahiah* sebagai integrasi yang membentuk hakikat beragama dan cambahannya menghasilkan bakat dan keindahan yang dijalin di dalam penulisan.²⁵ Jika diterkap melalui teori ini, secara umumnya karya Hikayat Faridah Hanum wajar diangkat sebagai karya sastera Islami kerana pengarang Syed Syeikh al-Hadi adalah sosok penting dalam institusi keagamaan dan ini mencapai syarat hakikat beragama dan berbakat untuk menghasilkan karya sastera Islami. Namun begitu, perbincangan mengenai hakikat beragama yang pelbagai versi masih perlu diperluaskan.

²¹ Syed Syeikh Al-Hadi, *Faridah Hanum*, terbitan Pustaka Antara. Kuala Lumpur: 1985, hlm. 119

²² Sarji Kasim, *Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanom: Penilaian Semula*, kompilasi artikel dalam Syed Syeikh al-Hadi: *Cendekiawan dan Sasterawan Ulung*, (Penerbit Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang: 2003), hlm. 113-114

²³ Ibid., hlm. 114

²⁴ Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001, *Risalah untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: ISTAC, hlm. 111

²⁵ Ibid., hlm. 66

Beberapa teori sastra Islami yang digagaskan selama ini seperti kurang menyerlah kerana tiada pentakliran kepada teori-teori tersebut. Tiada sampel karya khusus yang boleh dijadikan model untuk diikuti dan dikaji. Karya yang berilmu tetapi kurang keindahannya dan karya yang indah seperti kurang keilmuannya. Hikayat Faridah Hanum tampil dengan penuh estetika dan penuh keilmuan yang diiktiraf dan kelihatan seperti mampu menjadi model yang baik untuk dikaji meskipun beberapa perbahasan masih perlu diperincikan seperti pelukisan watak yang berlebihan dan mengghairahkan serta penyebaran hak kebebasan bergaul antara lelaki dan perempuan tanpa ada batas yang syariatik. Sekiranya ditinjau pentakliran sastra Islam dalam kerangka teori, Hikayat Faridah Hanum berdiri dengan pelbagai ciri-ciri yang ada seperti unsur sufisme, tauhid, juga keilmuan yang jitu misalnya isu pembahagian harta pusaka dan hak wanita memilih pasangan hidup. Aspek pelanggaran nilai-nilai Islam juga terdapat apabila Syed Syekh al-Hadi begitu menonjolkan gambaran tubuh perempuan dengan istilah-istilah yang agak erotik seperti "pejal", begitu juga gambaran pergaulan bebas yang seakan diizinkan atas alasan tertentu walhal perlakuan tersebut mengundang fitnah dan mencalarakan maruah wanita. Hal ini dibuktikan melalui babak Faridah Hanum berpakaian ketat dan menyerupai kulitnya hanya untuk menduga keimanan Syafik Affandi. Sarji Kasim dengan jelas mengkritik pengarang dengan mengatakan pengarang terpengaruh dengan aliran liberalisme yang sedang berkembang di Mesir selari dengan kehidupan beliau di sana.²⁶ Tuntasnya, usaha *Islah* dan *Tajdid* Syed Syekh al-Hadi tetap merupakan suatu sumbangan yang besar dalam karya Hikayat Faridah Hanum ini dan perlu dicungkil dan disebar dari masa ke semasa khususnya kepada masyarakat hari ini yang suram dalam mengenali dan mendekati pengarang serta karya besarnya ini.

Kesimpulan

Dunia melayu hari ini begitu lompong pengkarya susastra yang berlatarkan nafas dan citra *Islah* dan *Tajdid*. Begitu banyak karya yang tidak berlandaskan usaha ini secara selari dengan apa yang digagaskan malah pengetahuan yang tipis kepada agama dan resapannya dalam masyarakat dilihat terlalu jarang dan jauh. Masyarakat menagih lagi karya yang dicedok dengan sangkar kreatif bertatahkan estetika bahasa kesusasteraan tanpa menghilangkan nilai keagamaan hasil saduran pengetahuan yang meluas. Agamawan hari ini terlihat asing dari dunia kesusasteraan tanah air dan sasterawan hari ini pula terlihat rambang dari pengetahuan agama yang sebenar.

Bibliografi

- Al-Qarwadhawi, 1987, *Tajdid al-Din fi Dhaw' al-Sunnah*, dalam *Majalah Markaz Buhuth al-Sunnah wa al-Sirah*. Bil. 2. Doha: Universiti Qatar.
- A. Nasir Haji Mahfudz, "*Syed Syekh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif*", dlm. *Dian*, Bil. 64.
- Drs. A.M. Iskandar, 1980, *Persuratkhabaran Melayu 1816-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Hathout, *Revolusi Seksual Perempuan: Obstetri dan Ginekologi Tinjauan Islam*, (Bandung:Mizan, 1994).
- John L. Esposito, *Dinamika Kebangsaan Islam Watak, Proses, dan Tantangan*, terj Bakri Siregar, (Jakarta PT:Rajawali, 1987).

²⁶ ²⁶ Sarji Kasim, *Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanom: Penilaian Semula*, kompilasi artikel dalam *Syed Syekh al-Hadi: Cendekiawan dan Sasterawan Ulung*, (Penerbit Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang: 2003), hlm. 114

- Maszlee Malik, *Risalah Buat Pemuda Muslim*, Bab 10: Tajdid Tanggungjawab Umat Islam, (Telaga Biru Sdn. Bhd., 2014).
- Mahayuddin Haji Yahaya, 1984. *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarji Kasim, *Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanom: Penilaian Semula*, kompilasi artikel dalam *Syed Syeikh al-Hadi: Cendekiawan dan Sasterawan Ulung*, (Penerbit Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang: 2003)
- Sulchan Yasyin, *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*, (Surabaya: Amanah, 1997).
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001, *Risalah untuk Kaum Muslimin*, (Kuala Lumpur: ISTAC).
- Talib Samat, 1990, *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, (terj. Ahmad Boestamam I. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975).